

## **IBU TUNGGAL HILANG PENDAPATAN, KEDAI TERBAKAR**

**Rosilawati Rosedi**

**1 Ogos 2018**

**Sumber : <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/ibu-tunggal-hilang-pendapatan-kedai-terbakar-1.863069>**



Apuan bersama anaknya, Shah Afendi Shahidan, 34 di hadapan kedai makannya yang musnah akibat kebakaran.

TRIANG - Hasrat seorang pengusaha masakan panas untuk kembali berniaga selepas berehat sejak Ramadan lalu tak kesampaian selepas kedai makan miliknya musnah dalam kebakaran awal pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 2.30 pagi di Kampung Kuala Triang, Bera itu, kedai makan berkenaan musnah hampir keseluruhannya..

Mangsa, Apuan Janal, 57 memberitahu, ketika kejadian dia berada di rumahnya berhampiran pam pasir, Kuala Triang dan dimaklumkan oleh penduduk kampung tersebut.

Menurutnya, sebaik dimaklumkan dia bergegas ke lokasi tersebut namun hanya mampu melihat api marak.